



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JL/43/2024

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LANDSKAP DI SUNKEN GARDEN DAN  
KAWASAN SEKITAR DI LALUAN MASUK AWAM DI LOT 416 PT 2305 PRESINT  
10, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori CE Pengkhususan CE14 (Lanskap di Luar Bangunan)**, mempunyai pengalaman dalam bidang kerja berkaitan dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **4 JUN 2024 (SELASA), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK**, dan **SPKK** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **4 JUN 2024 (SELASA)** hingga **7 JUN 2024 (JUMAAT)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK** dan **SPKK** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari pada 12 JUN 2024 (RABU)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(LAr.HASLINDA BINTI KHALID)**

Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya